

Bahagian A

Jawab **semua** soalan.

1. Apakah barangan yang dibekalkan oleh kerajaan Santubong yang mempunyai pelabuhan di lembah sungai Sarawak?
A Emas
B Gaharu
C Bijih timah
D Kapur baru
2. Gambar berikut merupakan Gendang Gangsa di Pulau Banggi, Sabah.



Apakah maksud di sebalik jumpaan gendang gangsa tersebut?

- A** Hubungan antara Sarawak dan Sabah
 - B** Hubungan antara Majapahit dengan penduduk di utara Sabah
 - C** Hubungan antara Srivijaya dengan Sarawak
 - D** Hubungan antara Brunei dengan Melayu Santubong
3. Antara berikut yang manakah tidak berkaitan dengan ketua masyarakat di Sarawak?
A Bobolian
B Babalian
C Orang Tua
D Kelunan Maren

4. Lokasi memainkan peranan yang penting dalam pembentukan pemerintahan tempatan di Sarawak. Bagaimanakah penduduk di lembah sungai ditadbir?
A Mengikut darjah status
B Kemampuan pemerintah
C Berdasarkan suku dan puak
D Menerusi kerajaan dan wakil raja
5. Gambar berikut adalah ketua kaum Murut.



Apakah gelaran yang diberikan kepada ketua kaum tersebut?

- A** Babalian
 - B** Bobohizan
 - C** Kepala Atas
 - D** Ketua kampung
6. Ketua Bebas mentadbir wilayah di muara sungai. Apakah peranan utama Ketua Bebas ini?
A Menegakkan kekuasaan
B Menjaga keamanan kampung
C Menjatuhkan hukuman terhadap pesalah
D Merekrut pemuda untuk ketenteraan

7. Apakah aktiviti ekonomi masyarakat Sarawak di pesisir pantai?
- Mengutip hasil hutan
 - Menanam padi
 - Perdagangan
 - Perusahaan sagu
- A I dan II C II dan III
B I dan IV D III dan IV
8. Apakah kaum yang terlibat dalam kegiatan ekonomi di kawasan pedalaman Sarawak?
- A Melayu C Bidayuh
B Kenyah D Melanau
9. Kawasan ekonomi masyarakat di Sabah berkembang di pelbagai kawasan. Di manakah kegiatan mengutip sarang burung dilakukan?
- A Pedalaman
B Tanah tinggi
C Pesisir pantai
D Lembah sungai
10. Gambar berikut menunjukkan kaum Iban.



- Dari manakah kaum Iban di Sarawak berasal?
- A Sungai Rajang
B Sungai Skrang
C Sungai Kapuas
D Sungai Batang Lupar

11. Kaum yang mendiami pedalaman Sarawak ialah
- A Kayan
B Bisaya
C Bidayuh
D Melanau
12. Apakah keunikan utama kaum Bajau/ Sama yang tinggal di kawasan pantai barat Sabah?
- A Budaya menari
B Budaya memanah
C Budaya bermain wau
D Budaya menunggang kuda
13. Kraf tangan berikut adalah pua kumbu, iaitu hasil kerja tangan kaum Iban yang dibuat daripada kain kapas.



- Bilakah pua kumbu ini selalu digunakan?
- A Perayaan
B Kelahiran
C Menuai padi
D Adat istiadat
14. Apakah kegunaan hasil kraf tangan masyarakat Sabah, iaitu tayen?
- A Sebagai tanjak
B Untuk majlis kematian
C Sebagai penutup kepala
D Membawa hasil dari kebun

15. Hasil seni berikut digunakan semasa kerja-kerja harian dan adat tertentu.




Apakah kaum yang menghasilkan hasil kraf tangan ini?

- A Iban
 - B Kelabit
 - C Melanau
 - D Orang Ulu
16. Mengapakah kaum Bisaya dan kaum Kadayan di Sarawak mengadakan perayaan Makan Tahun?
- A Tanda kesyukuran
 - B Pesta menuai
 - C Pemilihan pasangan
 - D Mengelak malapetaka
17. Apakah acara yang dilakukan oleh masyarakat Sabah semasa Pesta Regata Lapa?
- A Tibau
 - B Menunggang kuda
 - C Perlumbaan perahu
 - D Pertandingan ratu cantik

18. Apakah alatan tradisional yang mengiringi tarian Datun Julud?

- A Gitar
- B Sape
- C Nobat
- D Ukelele

19. Gambar berikut adalah tarian bermukun oleh masyarakat di Sarawak.



Apakah keistimewaan tarlan ini?

- A Muziknya lebih terkini
 - B Gendang dipalu oleh wanita
 - C Tarian berubah mengikut muzik
 - D Penari daripada semua golongan
20. Rumah panjang adalah hasil seni bina kaum Iban, Bidayuh dan Orang Ulu. Apakah bahan pembuatan yang digunakan untuk membinanya?
- A Buluh
 - B Kayu balak
 - C Kayu belian
 - D Kayu cengal